

30/12/1998

Malaysia eksport pesawat ringan

SABAN hari berlaku peristiwa yang menjadi kenangan peribadi, sejarah negara, pengalaman pahit mahupun manis sesebuah bangsa. Ia berlaku dalam pelbagai keadaan dan sesetengahnya di luar jangkaan. Berita Harian menyorot sebahagian daripada peristiwa pahit manis untuk sepanjang 1998.

Suasana sepanjang Disember 1998 sama ada di dalam negara atau persada antarabangsa tidak banyak yang menggemparkan kecuali serangan bom oleh pesawat Amerika Syarikat dan Britain terhadap Baghdad, Iraq serta usul pemecatan terhadap Presiden Bill Clinton oleh Dewan Perwakilan.

Pada 1 Disember 1998, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan pesawat dua tempat duduk buatan pertama Malaysia - Aerotiga SME MD3-160 di Subang. Malaysia adalah negara pertama Asia mengeksport 100 pesawat buatan sendiri ke Amerika dan negara kelima di dunia berbuat demikian.

Pada 6 Disember pula, kapal layar, Jalur Gemilang yang akan digunakan oleh pelaut tempatan, Azhar Mansor dalam percubaan mengelilingi dunia, dilancarkan oleh Dr Mahathir di jeti Hotel Awana Porto Malai, Langkawi.

Selepas majlis itu, sejarah tersendiri dicatat dalam penganjuran pertandingan memancing Grand Prix (GP) Joran oleh Berita Harian apabila Perdana Menteri melepaskan kira-kira 300 peserta GP kategori laut dalam di jeti yang sama. Pertandingan di Langkawi itu adalah pusingan kelima dan terakhir bagi siri GP Joran 1998.

Pada 11 Disember 1998, Lumba Merdeka 300 Kilometer Antarabangsa Proton membuka tirai sebagai kejohanan lumba kereta pertama diadakan di Litar Antarabangsa Sepang yang ditawarkan negara untuk dijadikan satu daripada gelanggang perlumbaan berprestij siri Formula 1 Dunia.

Dr Mahathir turut menyumbangkan Piala Cabaran Perdana Menteri untuk direbut peserta kejuaraan peserta berkenaan yang disampaikan kepada Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Salleh Sulong.

Pada 12 Disember 1998, tercatat satu lagi sejarah dalam arena bolasepak negara apabila Stadium Nasional di Bukit Jalil, dekat ibu negara, buat pertama kali digunakan sebagai gelanggang untuk permainan bola sepak profesional yang menemukan Perak dan Terengganu dalam perlawanan akhir Piala Malaysia 1998.

Dalam perlawanan sengit yang ditonton kira-kira 100,000 penyokong kedua-dua pasukan itu Perak muncul juara selepas perlawanan ditentukan dengan sepakan penalti apabila kedua-dua pasukan terikat 1-1 sehingga ke masa tambahan. Perak menang 5-3.

Pada 13 Disember, Unit Pengawal Istiadat Berkuda (UPIB) Tentera Darat yang ditubuhkan Mei 1997 kini mempunyai Kompleks Stable sendiri di Istana Negara. Perasmian kompleks itu disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Ismail Omar.

Tiba-tiba pada 17 Disember 1998, dunia dikejutkan dengan serangan pesawat pengebom Amerika dan Britain yang menggugurkan lebih 400 peluru berpandu terhadap lebih 100 sasaran yang mereka dakwa sebagai strategik di Iraq.

Serangan itu berterusan sehingga 70 jam sebelum Clinton mengisytiharkan serangan dihentikan pada 20 Disember di mana pada hari yang sama Dewan Perwakilan meluluskan usul pemecatan terhadap Presiden Amerika itu.

Kembali kepada peristiwa dalam negara pada 24 Disember, latihan giat dilakukan oleh pasukan polis di Kota Kinabalu sebagai persiapan menghadapi pelbagai bencana yang mungkin berlaku sepanjang tempoh cuaca buruk La Nina

sekarang.

(END)